

# CABARAN DAKWAH ISLAM DI ERA SIBER

Oleh:

Zulkiple b. Abd. Ghani

## Abstract

*This article seeks to discuss the challenges faced by Islamic dakwah in the era of cyberspace. It begins with an exploration of the changing space created by the new information technologies, which rely on the idea that information is a commodity. It also presents Islamic perspectives on managing Islamic messages by a proper control on the access of information; verify the credibility of sources; and the structure of Islamic contents that are suitable with the new technologies. The writer argues that Muslim preachers should be aware of the consequences of cyberspace development and should design Islamic messages accurately in order to compete and ensure that dakwah is always preeminent in the life of Muslims.*

## PENDAHULUAN

Hamid Mowlana, seorang profesor komunikasi berasal dari Iran dan mengajar di American Universiti, Washington, berhujah bahawa kesan kemuncak kepada pembentukan 'masyarakat bermaklumat' yang terhasil dari proses perkembangan teknologi maklumat semasa ialah kemunculan sebuah masyarakat *super-secular*. Masyarakat bermaklumat tersebut dipercayai akan sarat dengan beberapa kriteria utama iaitu semangat penguasaan globalisasi, kepuasan apabila matlamat tercapai, masa (kepantasan) amat bernilai dan kemunculan ekonomi sinergetik.<sup>1</sup> 'Maklumat' dalam senario masyarakat tersebut akan menjadi bahan komoditi utama yang akan ketandusan nilai moral dan etika, dan kemuncaknya, akan menjauhkan individu dan masyarakat daripada Tuhan. Kemunculan masyarakat bermaklumat seperti dihujah oleh beliau nyata bertentangan dengan hasrat pembentukan sebuah masyarakat Islam yang meletakkan nilai hubungan manusia dengan Allah sebagai prioriti utama dalam kehidupan.

---

<sup>1</sup> Hamid Mowlana, "The New Global Order and Cultural Ecology", *Media, Culture and Society*, Jilid 15, No. 1, Januari 1993, hlm. 9-27.

Cabaran kepada kehidupan umat Islam di era siber seperti yang diungkapkan oleh Hamid memerlukan penelitian mendalam tentang proses perubahan yang sedang berlaku. Usaha mengenalpasti isu-isu yang berbangkit serta merancang strategi bagi menanganinya secara berkesan dan pantas perlu dilakukan oleh umat Islam dalam bentuk skala besar. Berbeza dengan perspektif Barat, Islam tidak meletakkan maklumat sebagai bahan komoditi semata-mata tetapi menganggap maklumat sebagai suatu perkhidmatan yang perlu dikongsi bersama demi kemakmuran masyarakat sejagat. Falsafah ini memanasifestasikan suatu fenomena hidup yang berdiri di atas tasawwur Islam dan menghasilkan kualiti kehidupan yang sesuai dengan fitrah manusia. Justeru itu, kertas ini akan membincangkan persoalan berkaitan cabaran dakwah di era siber termasuk memahami perubahan dalam ruang pendakwaan terkini, menyaring lambakan maklumat, mengesan kredibiliti sumber terutama di dalam internet dan proses pemindahan mauduk dakwah kepada format teknologi bentuk baru.

## KOMUNIKASI DAKWAH DI RUANG SIBER

Komunikasi dakwah merujuk kepada usaha-usaha menyampaikan maklumat, memberitahu, mengajak, memujuk, mengarahkan dan mendidik manusia ke arah memahami, menerima dan menghayati Islam sebagai agama yang bersifat komprehensif dan mengandungi peraturan yang lengkap dalam segala aspek kehidupan. Dari segi epistemologi, terdapat pengkaji yang menghubungkan pengertian 'dakwah' dengan makna *raghbah ilā Allāh*, iaitu segala kecenderungan yang menuju kepada matlamat kemuncak penciptaan manusia iaitu untuk memenuhi kehendak Allah.<sup>2</sup> Kemuncak kepada segala usaha dalam komunikasi dakwah ialah mewujudkan ruang yang memberi kebahagiaan (*sa'ādah*) dan menyebarkan kesejahteraan (*salām*) kepada seluruh umat manusia.

Dakwah di ruang siber menimbulkan persoalan baru tentang keupayaan pendakwah memahami perubahan terkini, terutama tentang skala komunikasi bersifat global yang menjangkau pelbagai khalayak dan berbeza dari segi demografinya. Shaharom TM Sulaiman mengungkapkan bagaimana istilah *cyber* telah mengalami beberapa distorsi makna asal akibat kemunculan teknologi komunikasi baru.<sup>3</sup> Istilah

---

<sup>2</sup> Lihat misalnya Abdullah Muhammad Zin, *Islamic Da'wah (Mission) The Definition, Conception & Foundation*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991, hlm. 1.

<sup>3</sup> Teknologi komunikasi baru dikatakan mempunyai darjah interaktiviti yang lebih tinggi sehingga membolehkan wujudnya interaksi muka ke muka. Komunikasi berasaskan komputer ini mempunyai kebijaksanaan buatan yang boleh memberi tindakbalas kepada soalan berbentuk perbualan. Media baru ini juga dikatakan boleh memperkecilkan khalayak di mana mesej boleh disampaikan oleh tiap-tiap individu dalam khalayak. Lihat

*cybernetics*, dikatakan berasal dari bahasa Yunani '*kubernates*' yang bererti *pilot*, mengandungi konotasi kemerdekaan dan kebergantungan pada diri sendiri, yang menavigasi dirinya dalam samudera luas *cyberspace* yang tidak terbatas, tanpa bergantung pada orang lain. Dari segi akademik, istilah tersebut diertikan sebagai kajian teoritis tentang proses pengendalian di dalam sistem elektronik, mekanis dan biologis, khususnya arus informasi dan komunikasi di dalam sistem tersebut. Bagaimanapun, makna *cyber* kini berubah, lebih cenderung kepada erti mengawal tindakan atau tingkah laku, mengarahkan, menggunakan autoriti dan sebagainya yang bermaksud ditujukan kepada "mengatur orang lain".<sup>4</sup>

Kewujudan internet dan kemudahan rangkaian serta persembahan dalam bentuk multimedia di laman-laman web atau perisian memperbanyakkan ruang pertemuan materi komunikasi bersifat lepas-bebas, terkeluar dari tatakawalan budaya, nilai pegangan sesuatu masyarakat, pemerintah hatta autoriti Tuhan. Antara tahun 1994 hingga 1998, isi kandungan di dalam internet dikatakan bertambah sebanyak 700% setahun. Sementara itu, terdapat lebih 4000 laman baru dihasilkan setiap hari dan dipaparkan di World Wide Web (WWW) serta dianggarkan sebanyak 600 juta orang telah mengunjungi internet pada tahun 2001.<sup>5</sup> Pertambahan ruang tersebut menimbulkan persoalan tentang keupayaan untuk melakukan pemilihan maklumat serta kegunaannya menjadi semakin kompleks sehingga wujudnya istilah baru seperti 'informasi produktif', iaitu merujuk kepada maklumat yang relevan, terbaru, mencukupi dan boleh diharap untuk memenuhi sesuatu tujuan. Di sini mauduk dakwah terpaksa bersaing dengan pelbagai mauduk lain untuk menentukan siapakah yang bakal menang dalam tatacara permainan (*rule of game*) di era siber terutama dalam membentuk pendapat publik. Penyaringan dan aktiviti pemerosesan maklumat Islam oleh individu Muslim memerlukan skil baru untuk menjadikan mereka lebih produktif dengan melakukan seleksi kepada maklumat, menyimpannya dengan selamat dan boleh memperoleh kembali secara pantas apabila maklumat tersebut benar-benar diperlukan.

Di samping itu, kemunculan beberapa *cybernetic person* (juga disebut *cybernaut* atau *cyberpunk*) turut menyaksikan keupayaan mereka membentuk budaya baru

---

Everett M. Rogers, *Teknologi Komunikasi Media Baru dalam Masyarakat*, terj. Zulkarnaina Mohd. Mess, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1991, hlm. 1-7.

<sup>4</sup> Lihat Shaharom TM Sulaiman. "Ruang Publik dan Demokrasi Siber." *Pemikir*. April-Jun 2001.

<sup>5</sup> Makhdir Mardan, "Mendaki Zaman Perubahan yang Berterusan," dalam Shaikh Mohd. Saifuddeen bin Shaikh Mohd. Salleh (pnyt.), *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat & Komunikasi*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000, hlm. 18-19.

hampir di seluruh dunia hasil ketrampilan, kecerdasan dan kecekapan dalam mengendali teknologi komunikasi maklumat. Mereka yang dikenali sebagai elit 'teknokrasi' baru dalam masyarakat menjadi begitu dominan dan penting terutama dari aspek pembentukan dasar-dasar kehidupan yang baru. Ini berbeza dengan fenomena sebelum kemunculan revolusi industri teknologi maklumat di mana sesuatu perubahan budaya berskala besar dalam masyarakat mengambil masa yang lama dan memerlukan sejumlah kumpulan pendokong yang tuntas dedikasinya. Beberapa imej sosial baru berjaya dibentuk oleh para *cyberpunk* ini, antaranya mereka berjaya menggantikan etika atau akhlak dengan budaya hiburan sebagai tunjang kehidupan. Persekitaran baru yang didominasi oleh budaya hiburan lepas-bebas sebenarnya terhasil akibat gabungan teknologi penyiaran, satelit dan yang berkaitan dengan komputer sehingga ruang kehidupan yang ada menjadi mampat dalam struktur kehidupan yang seolah-olah dipaksakan kepada setiap individu dalam masyarakat.

Bagi menghadapi cabaran di atas, komunikasi dakwah di era siber perlu kembali kepada informasi asas (*information base*) dalam al-Qur'an sebagai panduan untuk menghadapi tatacara permainan era ini dan menguasainya. Dalam sejarah, Allah mengutus rasul demi rasul untuk memberi panduan kepada manusia tentang erti kehidupan sehinggalah yang terakhir Nabi Muhammad s. 'a.w. sebagai pelengkap. Mereka membawa akidah yang sama iaitu mentauhidkan Allah. Para rasul berkomunikasi dengan Allah melalui wahyu yang kemudian disebar kepada manusia menurut apa yang diperintahkan. Jika diteliti sejarah manusia berdasarkan perspektif al-Qur'an, proses perkembangan pengetahuan manusia berkait rapat dengan keupayaan penggunaan pancaindera yang dibekalkan oleh Allah iaitu mata, telinga dan hati (al-Qur'an 32:9; 67:23) untuk menyerap mesej di ruang sekeliling. Allah menggunakan perkataan *sami'a* dan *basira* serentak dalam pelbagai bentuk lebih dari 35 tempat dalam al-Qur'an untuk menggambarkan bagaimana kedua-dua deria tersebut, jika digunakan serentak, memberi kesan yang cukup kuat dan mendalam kepada minda manusia. Kajian empirikal yang dijalankan oleh beberapa sarjana juga turut mengesahkan bahawa lebih 90% pengetahuan manusia mengenai sesuatu maklumat diperolehi melalui penggunaan deria penglihatan (visual) dan pendengaran (audio).<sup>6</sup>

Bagaimanapun dalam menguruskan pembangunan hidup manusia, selain deria penglihatan dan pendengaran, elemen mengenal 'makna' melalui hati (*al-af'idah*) yang berkait dengan ruh yang ditiup oleh Allah ke dalam diri manusia memberi impak besar kepada 'makna hidup' orang-orang Islam. Informasi asas iaitu al-Qur'an bertindak sama seperti '*disk operating system*' dalam komputer yang menyediakan asas makna-

---

<sup>6</sup> Lihat Zulkiple Abd. Ghani. "Imperatif Multimedia dalam Pembangunan Ummah," dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman (Pnyt.) , *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, 1999.

makna dan fakta-fakta yang menstrukturkan tasawwur kehidupan. Ahmad Kamil Mohamed memberikan pandangan yang menarik tentang keperluan mewujudkan informasi asas yang kuat dalam diri setiap Muslim, katanya:

*'... the key ingredient of this emerging information society is information processing-man's ability to process data into a set of meanings with the aid of computers and communication technology ... man has to input those information in his cognitive system in order for it to function as an 'operative information system' which crystallizes his thoughts, feelings and beliefs by digesting other information... The information base can act as a regulator in determining his behavioral patterns in accordance to a set of rules...Taking an Islamic perspective, an ethical being is one who submits to Allah, to His Laws... As a Muslim he is aware of the source of laws (sunnatulAllah) and that awareness prompt him to act among behavioral alternatives that is guided a set of rules or principles.'*<sup>7</sup>

Apa yang jelas tujuan komunikasi dakwah di era siber ialah keperluan meningkatkan usaha bagi 'menguasai manusia' dengan panduan wahyu. Ini berbeza dengan pendekatan para *cyberpunk* yang berusaha menguasai manusia dalam ruang publik maya, di mana akibat kelemahan umat Islam secara keseluruhan mendatangkan hasil seperti ungkapan Shaharom iaitu "kewujudan sebuah masyarakat yang hanyut di dalam arus pertukaran komoditi, hiburan dan tontonan, dengan segala citra yang diajukan sehingga melupakan pada pelbagai persoalan sosial dan politik yang hakiki, yang membentuk jalan hidup mereka".<sup>8</sup> Justeru itu, komunikasi dakwah di era siber perlu bersaing dalam membentuk pendapat publik dengan sentiasa menegaskan bahawa kebenaran mutlak adalah pandangan berasaskan wahyu yang menjadi informasi asas dalam mengoperasi lain-lain maklumat mengenai kehidupan.

## AKSES LAMBAKAN MAKLUMAT

Lambakan maklumat dalam ruang siber memungkinkan seseorang individu Muslim yang termasuk dalam kumpulan siberis menghadapi kesukaran untuk menemui maklumat bermakna. Terdapat pelbagai kategori maklumat yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan, dari persoalan seperti ekonomi-politik sehinggalah kepada persoalan negatif yang banyak dibincangkan iaitu laman-laman berkaitan pornografi dan

---

<sup>7</sup> Ahmad Kamil Mohamed. "The Information Base for an Ethical Being," kertas dibentangkan di *Seminar on Communication from the Islamic Perspective*, di anjurkan oleh ITM, 5-7 Oktober 1989.

<sup>8</sup> Shaharom, *op. cit.*, hlm. 173.

perjudian.<sup>9</sup> Bagi maklumat berkaitan dengan Islam, para siberis Muslim yang tidak mempunyai asas pengetahuan tentang Islam mungkin juga akan menghadapi masalah untuk menentukan kesahihan sesuatu maklumat, misalnya laman yang dibangunkan oleh para pendokong ajaran Qadiani. Laman ini memuatkan maklumat berkaitan dengan ajaran Islam, tetapi terdapat juga maklumat yang tidak diterima sebagai benar oleh jumbuh muslimin seperti pengakuan Mirza Ghulam Ahmad sebagai Imam Mahdi dan rasul.<sup>10</sup> Di samping itu, kepelbagaian mazhab dalam Islam dan kesesuaian sesuatu interpretasi hukum bagi sesuatu lokasi juga memungkinkan wujudnya kekeliruan di kalangan para siberis Muslim terutama mereka yang tidak mempunyai asas pengetahuan Islam yang kuat mengenai masalah usul dan furuk.

Justeru itu, seseorang siberis Muslim perlu mempunyai informasi asas untuk membolehkan beliau menyaring maklumat terapung di dalam internet. Seperti yang ditegaskan oleh Abdullah dan Muhammad, satu daripada masalah serius yang melambatkan proses pembangunan di dunia Islam ialah kekurangan strategi yang berkesan dan produktif dalam mengurus teknologi maklumat.<sup>11</sup> Di Malaysia, umat Islam nampaknya masih bernasib baik kerana pengguna awal internet merupakan golongan yang berpendidikan tinggi, bekerja sebagai profesional, pengurus, pentadbir dan ahli akademik. Umumnya mereka boleh dianggap mampu melakukan saringan maklumat berdasarkan maklumat pendidikan Islam secara formal yang telah diperolehi di peringkat sekolah. Hasil kajian yang dilakukan oleh Rahmah Hashim dan rakan-rakannya mendapati difusi internet di kalangan pengguna awal di Lembah Kelang juga bukan untuk tujuan berseronok-seronok, tetapi mengakses maklumat yang bermanfaat untuk profesion mereka. Rahmah juga berpendapat: "Oleh kerana kebanyakan mereka berpendidikan tinggi, maka tidak hairanlah jika kebanyakan mereka juga mengamalkan budaya membaca dan sentiasa berusaha mencari maklumat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di dalam bidang masing-masing."<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> Dikatakan terdapat lebih 80,000 tapak web yang berkaitan dengan pornografi di mana nilai dagangannya secara *online* mencecah lebih USD 1 bilion dan purata tapak baru yang dihasilkan ialah sebanyak 200 tapak sehari. Di peringkat awal pengenalan internet di beberapa negara seperti di Jepun, dikatakan 80% dari pengunjung internet melayari laman berkaitan pornografi. Lihat Makhdir Mardan, *op. cit.*, hlm. 18-20.

<sup>10</sup> Lihat contohnya laman web berikut: [www.real-Islam.org](http://www.real-Islam.org)

<sup>11</sup> Abdullah H. Abdul-Gader dan Muhammad al-Buraey, "An Islamic Perspective on Managing Information Technology: Towards a Global Understanding," *Islamic Studies*, 37:1, 1998, hlm. 57.

<sup>12</sup> Rahmah Hashim *et al.* "Difusi Internet di Kalangan Pengguna Awal di Lembah Kelang: Beberapa Penemuan Awal," dalam Latifah Pawanteh dan Mazni Buyong (Pnyt.) *Pascasidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*, Bangi: Jabatan Komunikasi UKM. 2000.

Dapatan yang hampir sama juga diperolehi oleh Mohd. Taib Arifin dan Che Su Mustafa dari Universiti Utara Malaysia. Kajian mereka tentang pola penggunaan dan pendedahan internet di kalangan pengguna di beberapa buah negeri di Utara Semenanjung mendapati pengunjung-pengunjung kafe siber majoritinya berpendidikan tinggi di mana mereka mempunyai pengetahuan asas tentang komputer, memiliki komputer peribadi di rumah tetapi tidak mempunyai kemudahan internet. Dari 1126 orang responden yang dikaji, 75.5% terdiri dari bangsa Melayu beragama Islam, majoriti berumur 16-25 tahun, dan mengatakan tujuan utama mereka mengunjungi kafe siber ialah untuk mendapatkan bahan-bahan ilmiah berbanding untuk tujuan mendapatkan hiburan.<sup>13</sup> Dapatan ini memperlihatkan pendedahan positif para siberis terhadap maklumat di internet. Walaupun begitu, peningkatan aktiviti akses maklumat yang negatif di kalangan para siberis di negara kita masih perlu juga diberi perhatian. Hasil kajian Majlis Belia Malaysia mendapati terdapat golongan remaja yang menghabiskan masa berjam-jam bersempang menerusi laman perbuahan serta melayari laman-laman lucu.

Jika dapatan kajian di atas dijadikan ukuran tentang pengaksesan maklumat oleh siberis Muslim di Malaysia, era siber masih menunjukkan kesan positif untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan daya saing mereka. Persoalan yang mungkin timbul ialah bagaimana memberi panduan dan pendidikan tentang 'apa' dan 'di mana' untuk memperolehi maklumat Islam yang tinggi kesahihan dan diperakui kebenarannya? Di United Kingdom, masyarakat Islam mengambil inisiatif mengeluarkan senarai panduan yang memuatkan alamat laman-laman web yang dijangka boleh memberi manfaat kepada umat Islam. Misalnya, di dalam sebuah buku panduan yang diterbitkan, *Muslim Directory 2000* menyenaraikan empat halaman alamat *Muslims on the net*. Di Malaysia usaha perlu dipergiatkan untuk mendidik dan memberi panduan kepada para siberis Muslim dengan menyenaraikan laman-laman web yang diperakui kesahihan sumbernya dan kesesuaian rujukan untuk peringkat-peringkat sasaran tertentu. Penyedia laman web pula perlu telus dengan memperkenalkan identiti agar mudah dinilai dari segi kredibiliti dan kesahihan sumber mereka.

Selain itu, antara kelemahan umat Islam yang nyata dalam dakwah di era siber ialah proses penyediaan kandungan mengenai Islam yang tidak distrukturkan dengan sempurna. Tinjauan terhadap kebanyakan laman web milik agensi agama kerajaan dan badan-badan dakwah mendapati mereka lebih banyak memuatkan maklumat mengenai

---

<sup>13</sup> Mohd. Taib Arifin dan Che Su Binti Mustafa. 'Pola Penggunaan dan Pendedahan Internet di Kalangan Ahli Masyarakat', dalam Latifah Pawanteh dan Mazni Buyong (Pnyt.), *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*, Bangi: Jabatan Komunikasi UKM, 2000.

organisasi masing-masing berbanding dengan maklumat Islam secara berstruktur. Nampaknya terdapat semacam satu standard bahawa setiap laman web tersebut akan memaparkan mengenai struktur organisasi, pentadbiran, objektif, aktiviti dan beberapa kemudahan soaljawab (FAQ) serta laman yang dirangkai. Tidak ada laman web yang menyediakan mauduk Islam misalnya pembelajaran tentang Islam secara keseluruhan, contohnya yang merangkumi beberapa kategori maklumat seperti persoalan akidah, syariat dan akhlak dalam peringkat-peringkat sasaran tertentu. Justeru itu, penulis berpendapat para siberis tidak boleh berguru dengan komputer secara mutlak. Ini kerana guru manusia mempunyai *sense* yang bersifat murabbi, manakala komputer sangat jauh dari memiliki sifat tersebut. Penulis berpendapat: "Dalam pendidikan Islam, antara murid dengan guru ada hubungan yang cukup rapat, yang bukan saja bertindak sebagai sumber dan pemberi informasi, tetapi mendidik perilaku berdasarkan informasi yang diberikan. Oleh itu, internet perlu dilihat sebagai alat untuk memudahkan penyampaian dan bukan mengambil alih peranan guru".<sup>14</sup>

## MAUDUK DAKWAH DALAM TEKNOLOGI BARU

Usaha pemindahan mauduk Islam dalam bentuk teknologi baru sama ada dalam bentuk pengisian di laman-laman web atau bentuk perisian perlu dipergiat. Berbanding dengan medium percetakan dan penyiaran, ruang siber membuka peluang yang lebih luas kepada Islamis untuk bergiat aktif dalam menstrukturkan maklumat Islam.<sup>15</sup> Misalnya, seperti yang diakui oleh Siddiqui, minoriti Muslim seperti di Amerika Syarikat melihat kemunculan teknologi komunikasi maklumat menawarkan peluang

---

<sup>14</sup> Lihat keseluruhan temubual bertajuk "Internet Sekadar Alat Bukan Guru," *Al-Islam*, Mac 2001.

<sup>15</sup> Medium percetakan dan penyiaran biasanya dikawal ketat oleh pengampang media (*gatekeeper*) kerana potensinya yang besar untuk mempengaruhi pendapat publik. Misalnya pandangan yang dikemukakan oleh Merryly Wyn Davies yang menganalisis pandangan tersebut. Katanya: "Orang Islam sendiri, dalam keghairahan hendak menjadikan prinsip-prinsip Islam sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat, berada di hadapan dalam konteks tidak bertolak ansur, menekan idea-idea yang pada pandangan mereka bertentangan dengan idea-idea mereka tentang Islam. Tidak didapati dalam pengendalian media Muslim sekarang soal perdebatan yang baik dan seimbang yang meraikan pelbagai pendapat tentang Islam, persoalan-persoalan semasa dan tasawwur Islam. Program-program yang berbentuk ini jarang-jarang dapat disiarkan dalam media penyiaran." Lihat perbincangan lanjut dalam Zulkiple Abd. Ghani, *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001, hlm. 55-65.



baru yang tidak pernah dimiliki oleh umat Islam sebelum ini kerana ia berada di luar dari kekuasaan mutlak pemerintah. Justeru itu, beliau menegaskan:

“New IT offers them unprecedented global opportunities to organize themselves at the community level and consolidate their activities at cosmopolitan, regional, national, and international levels. At present, there are over 1000 Islamic websites ... since November 1995, thousands of people have accessed the IslamiCity Web Site, Islam.org, worldwide every month”.<sup>16</sup>

Mempersembahkan mauduk dakwah dalam bentuk teknologi baru memerlukan kemahiran menguasai teknologi dan juga daya kreativiti tinggi di kalangan penyedia sumber maklumat. Teknologi penyebaran seperti membina laman web, kumpulan berita (*newsgroup*), perbualan geganti internet (*internet relay chat*), papan web (*web board*), soal jawab (*frequently asked questions –FAQ*), senarai alamat (*mailing list*), perpustakaan digital atau perisian di laman web yang boleh disalin simpan (*download*) adalah antara kemudahan teknologi yang terbuka untuk dimanfaatkan. Di samping itu, kemudahan multimedia yang dikatakan mempunyai daya penarik untuk meninggalkan kesan mesej secara mendalam kepada khalayak pengguna masih belum dimanipulasi secara maksimum oleh para pendakwah dengan mesej yang penuh kreativiti.

Kini mauduk dakwah dalam ruang siber masih tertumpu kepada elemen-elemen pokok ajaran Islam termasuk yang berbentuk kandungan al-Qur'an, hadis-hadis, sirah nabawiyah dan persoalan fihiyyah. Kreativiti untuk menterjemahkan kandungan dakwah dan dipersembah dalam bentuk menarik yang sesuai dengan golongan sasaran perlu dipertingkatkan. Tinjauan di kedai-kedai yang menjual perisian menunjukkan bilangan tajuk yang termasuk dalam mauduk Islam masih kecil dengan tumpuan kepada persoalan-persoalan ritual Islam. Mauduk yang lebih mencabar seperti kefahaman terhadap sistem ekonomi, politik atau seni Islam masih belum muncul. Kreativiti dari segi persembahan dan adaptasi kepada teknologi juga masih rendah dan memerlukan peningkatan kerjasama pintar antara mereka yang menguasai mauduk Islam dengan mereka yang menguasai teknik teknologi.

Satu lagi persoalan kepada para siberis Muslim di Malaysia ialah terlalu sedikit laman web yang didedikasi kepada Islam boleh didapati dalam Bahasa Melayu atau diterjemahkan dalam pelbagai bahasa lain untuk tujuan dakwah. Bahasa merupakan halangan komunikasi yang utama di era siber kerana ia didominasi oleh Bahasa Inggeris. Justeru itu, penguasaan dalam bahasa kedua atau mungkin ketiga bagi generasi Muslim perlu dipertingkatkan agar penguasaan 'isi dialog' di ruang maya dapat bersaing. Fenomena penguasaan, seperti diujah oleh Shaharom iaitu di 'ruang

---

<sup>16</sup> Dilnawaz Siddiqui. Information Technologies and Globalization: Ruination vs. Ripples. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 15: 3, 1998.

publik abstrak' seperti *cyberspace* tertumpu kepada semacam 'perang kekuasaan' iaitu antara *cyberpunk*, penggodam (*hacker*) dan siberis jujur. Isi kandungan yang jujur bertujuan membina insan akan gagal bersaing jika persembahannya hambar dan tiada daya kreativiti dan rendah daya interaktiviti. Justeru itu, aspek pendidikan dan latihan berterusan untuk mewujudkan literasi komputer di kalangan umat Islam perlu dipergiat. Siddiqui pernah berhujah soal perpindahan mauduk Islam dari format percetakan kepada format digital adalah suatu cabaran yang perlu diberi perhatian serius terutama oleh para pendidik dan pemimpin Islam dengan melakukan anjakan paradigma dari cara berfikir tradisional kepada bersifat revolusi.<sup>17</sup> Perubahan tersebut amat penting ditangani secara penuh strategi memandangkan kesannya yang amat besar dalam membentuk gaya hidup baru termasuk di kalangan umat Islam.

## KESIMPULAN

Dakwah di era siber tertumpu kepada proses memanfaatkan ruang komunikasi berskala global dengan memahami tatacara permainan dan penguasaannya. Mauduk dakwah yang berfokus kepada memperkasa nilai-nilai keinsanan manusia bersaing secara bebas di ruang maya dan memerlukan 'semacam kekuasaan' untuk menakluk minda para siberis. Justeru itu, isu demi isu berkaitan dengan kemanusiaan akan terus muncul dari semasa ke semasa yang bukan sahaja memerlukan kepintaran teknologis, tetapi yang lebih penting ialah kepintaran menonjolkan mesej dakwah supaya terus dominan dengan matlamat memperolehi kebahagiaan dan menyebarkan salam kepada seluruh umat manusia.

---

<sup>17</sup> *Ibid.*